

D836

U B826 AAB
MAHATHIR - SEJARAH

MELAKA, 13 APRIL (BERNAMA) -- PERANCANGAN YANG TELITI HARUS DIBUAT BAGI MENGENENGahkan SEJARAH MELAKA TERUTAMA KEPADA MASYARAKAT ANTARABANGSA, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

WALAUPUN MELAKA PENUH DENGAN BAHAN-BAHAN SEJARAH, TINDAKAN-TINDAKAN SUSULAN YANG BERKESAN HARUS DIJALANKAN, KATANYA PADA BUKU CENDERAMATA SEMPENA KONVENSYEN ANTARABANGSA PENGISYTIHARAN MELAKA SEBAGAI BANDARAYA BERSEJARAH DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA, SEMEMANGNYA MELAKA SEBUAH NEGERI YANG KAYA DENGAN SEJARAH KERANA SELAIN MERUPAKAN TAPAK BERMULANYA KERAJAAN MELAYU, IA PERNAH MENJADI PELABUHAN YANG UTAMA DI RANTAU ASIA TENGGARA DAN TEMPAT PERTEMUAN PELBAGAI BANGSA YANG DATANG BERDAGANG.

MELAKA KEMUDIAN TELAH MENGALAMI PENJAJAHAN OLEH KUASA-KUASA DARI EROPAH SEPERTI BELANDA, PORTUGIS DAN INGGERIS, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TIDAK ADA NEGERI SELAIN MELAKA DI SEMENANJUNG YANG PERNAH MENJADI TAKLUK DAN DIPERINTAH OLEH TIGA KUASA BESAR DI DUNIA PADA ZAMAN ITU DAN SEHINGGA KINI, MELAKA MASIH MEMPUNYAI BANYAK BEKAS PENINGGALAN PENJAJAH-PENJAJAH INI. -- LAGI
1824MST 13 04 87

D843

U B830 AAB
MAHATHIR 2 MELAKA

MENGENAI KONVENSYEN ITU, PERDANA MENTERI BERHARAP IA MERUPAKAN USAHA YANG GIGIH BAGI MEMPERKENALKAN MELAKA KEPADA MASYARAKAT ANTARABANGSA DAN PARA PELANCONG ASING.

BELIAU JUGA BERHARAP KONVENSYEN ITU AKAN DAPAT MENGAJI SERTA MERUMUSKAN PENDEKATAN-PENDEKATAN YANG BERNAS LAGI BERKESAN BAGI MENJADIKAN MELAKA TERKENAL BUKAN SAHAJA SEBAGAI BANDAR YANG KAYA DENGAN SEJARAH TETAPI SEBAGAI PUSAT PERTEMUAN KEBUDAYAAN. -- BERNAMA
1836MST 13 04 87